

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,  
DATO HUSSEIN ONN, DI MAJLIS  
JAMUAN NEGARA DI ITM, SHAH ALAM,  
SELANGOR PADA HARI KHAMIS,  
7HB. DISEMBER, 1978 JAM 8.00 MALAM.

1. Duli Yang Maha Mulia, Sultan Selangor,
  2. Duli Yang Maha Mulia, Tengku Ampuan Selangor,
  3. Duli Yang Teramat Mulia, Raja Muda Selangor,
  4. Duli Yang Teramat Mulia, Raja Puan Muda Selangor
- Ampun Tuanku.

Patek bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala, kerana dengan limpah rahmatNya. dapatlah patek berdua hadir bersama-sama di Majlis yang permai dan bersejarah ini. Patek menjunjung kasih. serta merafakkan sembah ucapan setinggi-tinggi penghargaan, kepada kebawah Duli Tuanku dan Kerajaan Negeri Selangor, kerana sudi menjemput patek berdua ke Majlis ini.

2. Sesungguhnya, Majlis Jamuan Negeri ini, amatlah bersejarah. Disamping dapat menghormati dan merayakan pengisytiharan Shah Alam, sebagai Ibu Negeri Selangor yang baru, dan perasmian bangunan, serta mesyuarat Dewan Undangan Negeri Selangor yang baru, Majlis malam ini juga diadakan sempena istiadat penyerahan Cokma ke bawah Duli Tuanku kepada Dewan Undangan Negeri.

3. Adapun istiadat pengisytiharan Shah Alam, sebaqai Ibu Negeri Selangor yang baru, pada pagi ini, kebetulannya jatuh pada 7hb Muharram, iaitu genap lima tahun penubohan Wilayah Persekutuan mengikut

Perjanjian berhubung dengan Penubohan Wilayah Persekutuan, telah dimeterikan pada lhb. \_  
 Februari Tahun 1974 Masehi, bersamaan dengan  
 8hb. Muharram Tahun 1394 Hijrah. Tarikh ini,  
 membawa erti yang penuh makna kepada pengisytiharan  
 Shah Alam. Dengan berkat kemuliaan Tahun Hijrah,  
 mudah-mudahan Allah Subhanahu Wataala, akan  
 mengurniakan berkat dan darjat yang lebih tinggi  
 serta kemakmuran, kepada Ibu Negeri Selangor  
 yang baru ini. InsyaAllah.

Ampun Tuanku.

4. Istiadat Pengisytiharan pagi merupakan  
 detik sejarah yang penting, dan ia membawa kembali

ingatan patek sekelian, kepada istiadat pengurniaan Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya, kepada Kerajaan Persekutuan, oleh kebawah Duli Tuanku sendiri.

5. Oleh yang demikian, sempena dengan Majlis yang permai dan meriah ini, patek sukalah menzahirkan rasa terhutang budi yang amat besar, serta penghargaan tinggi Kerajaan Persekutuan, dan rakyat Malaysia seluruhnya, kepada kebawah Duli

Tuanku, yang telah rela membuat pengorbanan yang amat bernilai itu. Sesungguhnya, ia merupakan tanda kebijaksanaan, kemuliaan dan pandangan jauh kebawah Duli Tuanku, demi kepentingan negara.

Contoh tauladan yang gemilang itu, akan sentiasa disanjung tinggi dan diingati oleh rakyat dan negara, lebih-lebih lagi oleh penduduk-penduduk Wilayah Persekutuan. Peristiwa penting ketika itu, dan juga pada pagi ini, akan tercatet dengan tinta emas dalam perkembangan sejarah Negeri Selangor dan negara.

Ampun Tuanku.

6. Patek mohon izin melafazkan ucapan patek kepada para hadirin sekalian.

1. Yang Amat Berhormat Menteri, Besar Selangor,  
Dato Hormat Rafie dan Datin,
- 1a. *Yang Berhormat, Tuan yang Disertu Dewan Undangan negeri*
2. Yang Berhormat, Tuan, Yang di-Pertua Dewan Negara *Selangor dan Datin.*  
(dan Puan Sri.)
- 3.
4. Yang Berhormat Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri,
- ⑧. Tuan-Tuan Yang Terutama Ketua-Ketua Diplomatik Asing,
5. Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Kerja Kerajaan Negeri Selangor.
6. Yang Berhormat Wakil-Wakil Kerajaan Negeri,
7. Ahli-Ahli Yang Berhormat,
9. Tuan-Tuan dan puan-puan sekalian.

7. Terlebih dahulu, saya mengucapkan terimakasih serta setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Selangor, khususnya kepada Dato Hormat Rafie, kerana sudi menjemput saya

berdua ke Majlis yang bersejarah dan permai ini,  
serta memberi penghormatan kepada saya menyampaikan  
sepatah-dua kata,di Majlis yang mulia ini.

8. Saya sendiri dan juga Kerajaan Persekutuan,  
mengakui bahawa^bukanlah menjadi satu perkara  
yang mudah hendak membina sebuah Ibu Negeri.  
Lebih-lebih lagi.jika ia hendak dijadikan sebagai  
sebuah kota^yang boleh menampung hasrat dan  
cita-cita rakyat berbilang kaum di negara ini,  
berlandaskan kepada semangat Dasar Ekonomi Baru.  
Membangun sebuah bandar, terutama sebuah Ibu  
Negeri, adalah merupakan satu tanggungjawab yang  
berat.

..8/-

9. Tetapi, keadaan dan kedudukan Shah

Alam adalah berlainan sedikit, dari kedudukan bandar-bandar yang lain yang telah sedia wujud. Di samping merupakan sebuah kawasan baru dan asli, yang boleh dibentuk-corakkan mengikut kemahuan dan keperluan masa kini, Shah Alam terletak dalam sebuah kawasan besar, yang kaya dengan hasil bumi, dan kemajuan dalam semua bidang, iaitu perlombongan, pertanian, perindustrian dan perdagangan. Hubungan dan kaitannya dengan kegiatan ekonomi dan sosial. dengan kawasan-kawasan yang telah sedia wujud dan pesat berkembang, seperti di Ibu Negara, Pelabohan Kelang, Petaling Jaya, Sungai Way dan

Subang Jaya, sudah tentu akan memberi kesan yang berfaedah kepada pembangunan Ibu Negeri Selangor yang baru ini.

10. Saya tidak syak lagubahawa sebagai sebuah pusat pertumbuhan baru, Shah Alam akan dapat dirancang dengan lebih tersusun dan teratur, supaya pelaksanaan pembinaannya dan perkembangan bandar baru ini, akan dapat menarik tumpuan dan perhatian pengusaha dan pedagang, dari dalam dan luar negeri. Saya penuh yakin, bahawa dengan semangat dan azam yang kuat oleh pemimpin, perancang dan pentadbir, serta dengan kerjasama dan bantuan pihak swasta, Shah Alam akan dapat

tumbuh dan berkembang, seperti mana-mana bandar besar dan moden di dunia ini. Saya menyeru semua pihak, supaya melibatkan diri dalam pembangunan Shah  
nya

Alam, dan menjadikan/sebuah bandar perdagangan yang indah dan menarik.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

11. Sesungguhnya, pertalian sejarah dan perhubungan diantara Wilayah Persekutuan dengan Negeri Selangor, memanglah tidak boleh dipisahkan, baik dalam bidang **sosio**-ekonomi mahupun dari segi keselamatan. Kedua-duanya, silih bergantung antara satu sama lain. Dalam menyelesaikan dan mengatasi sebarang masalah yang melibatkan kedua-duanya,

...11/-

perundingan, persefahaman dan kerjasama, mestilah sentiasa wujud dan terjalin diantara kalangan pemimpin-pemimpin politik, pentadbir dan ketua-ketua masyarakat wilayah Persekutuan dan Negeri Selangor. Insya Allah, saya dan rakan-rakan saya dalam Kerajaan Persekutuan akan terus mengekal serta meningkatkan hubungan baik, persefahaman dan kerjasama yang terdapat sekarang ini.

12 Kerajaan Persekutuan akan menyempurnakan segala tanggungjawab dan kewajipannya, serta menunaikan segala janji-janjinya. Kerajaan Persekutuan juga akan membantu Kerajaan Negeri

Selangor melaksanakan pembangunan Ibu Negeri Selangor yang baru ini, supaya Shah Alam dapat benar-benar mencerminkan semangat dan hasrat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Ampun Tuanku.  
13. Patek penuh yakin, iaitu dengan berkat daulat dan kebijaksanaan kebawah Duli Tuanku, tekad dan azam pentadbiran Kerajaan Negeri, kecekapan dan dedikasi pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam, serta bantuan, sokongan dan kerjasama pihak swasta dan rakyat jelata negeri ini, maka usaha dan cita-cita

suci ini, akan dapat dijayakan sepenuhnya. Lebih-lebih lagi, dengan minat yang kuat, dan perhatian yang berat, yang ditunjukkan oleh kebawah Duli Tuanku sendiri, dalam perancangan, pembangunan dan kemajuan, patek tidak syak lagi, bahawa Shah Alam akan tumbuh dan berkembang dengan pesat dan giatnya, kearah matalamat ini. Ia akan merupakan sebuah Ibu Negeri yang ulong dan yang moden di tanahair kita, yang diwujudkan di bawah Dasar Ekonomi Baru. Shah Alam akan menjadi model dan contoh yang baik, kepada pembinaan dan perkembangan bandar-bandar baru yang lain di negara ini, yang boleh menampung keperluan terhadap keutuhan dan perpaduan rakyat.

14. Akhirnya, patek bagi pihak Kerajaan Persekutuan dan rakyat Malaysia seluruhnya, suka sekali lagi melafazkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kebawah Duli Tuanku, dan juga kepada Kerajaan serta rakyat Negeri Selangor, di atas bantuan dan kerjasama yang telah diberikan selama ini, sehingga dapat menghasilkan penubohan Wilayah Persekutuan, serta mengeratkan lagi kerjasama, penyelarasan dan perhubungan, di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Selangor. Patek harap, semangat yang baik ini, dapat terus kekal dan ditingkatkan, supaya hasrat dan cita-cita Kerajaan yang berjiwa rakyat, dapat membawa menafaat dan kemakmuran kepada

negara dan rakyat seluruhnya.

15.

sekali lagi merafak sembah serta menjunjung kasih  
kebawah Duli Tuanku dan Kerajaan Negeri Selangor,  
di atas kesudian menjemput patek berdua ke Majlis  
yang permai, bersejarah dan mulia ini.

Wabillahi-taufiq, wassalamu'alaikum  
warahmatullahi wabarakatuh.



No Siri ..... 410  
No Penerimaan ..... 55/79